


Garis panduan aktiviti hiburan di IPT perlu selari peraturan peringkat negeri

September 7, 2023 @ 9:02am



Gambar hiasan BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pembabitan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kesatuan Mahasiswa (KM) dalam proses merangka garis panduan bagi menjalankan aktiviti hiburan (konsert) di institusi pengajian tinggi (IPT) dapat memastikan ia memenuhi aspirasi mahasiswa serta mengikut kesesuaian di IPT masing-masing.

Yang Dipertua MPP Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Muhammad Farid Zainal, berkata barisan MPP UMK menyambut baik keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberikan autonomi kepada mahasiswa dan pihak universiti bagi merangka bersama garis panduan terbabit, sekali gus membuka lebih ruang dan pendedahan kepada mahasiswa untuk belajar memimpin dan mengawal situasi.

"Kadang-kadang apabila mahasiswa berurusan dengan mahasiswa, perkara itu lebih mudah difahami dan diselesaikan," katanya kepada Bernama, di sini.

Sehubungan itu, Muhammad Farid berkata, pihaknya dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) bersepakat dan bercadang agar universiti itu merangka garis panduan berdasarkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 negeri Kelantan dan draf garis panduan yang diberikan KPT bagi menjalankan sebarang aktiviti hiburan membabitkan mahasiswa.

"Ini kerana kami berpendapat sebarang bentuk aktiviti hiburan perlulah mengikut piawaian atau garis panduan yang telah ditetapkan mengikut lokaliti sesebuah institusi tersebut. Kami tidak pernah menghalang mahasiswa UMK dalam menganjurkan program berbentuk hiburan asalkan mereka mengikut garis panduan yang ditetapkan.

"Pihak kami mengambil serius akan perkara ini agar dapat menjamin aktiviti hiburan melibatkan rakan mahasiswa adalah mengikut peraturan, terkawal dan tidak mencemarkan nama baik universiti," katanya.

Dalam pada itu, TNC HEPA Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Dr Al-Khalid Othman, berkata pihaknya dan MPP akan bekerjasama dalam merangka garis panduan aktiviti hiburan universiti selari dengan Garis Panduan Penganjuran Konsert peringkat Negeri Sarawak.

Beliau berkata, satu sesi libat urus bersama wakil MPP dan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar UNIMAS yang dipengeruskannya diadakan pada Selasa lalu bagi mendapat pandangan berkenaan cadangan pembangunan garis panduan terbabit.

"Pembabit MPP dan KM dalam proses merangka dan menyediakan garis panduan bagi menjalankan aktiviti hiburan di IPT membuka ruang dalam mempertimbangkan hak anak-anak seni untuk menjalankan aktiviti kesenian dan kebudayaan terutamanya yang berbentuk konsert.

"Ini juga demi memastikan usaha mengembangkan bakat dan memperkasakan mahasiswa diteruskan agar institusi IPT negara dapat melahirkan graduan yang berkualiti," katanya.

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dalam kenyataan pada Selasa lalu menyebut MPP dan KM perlu dilibatkan dalam proses merangka dan menyediakan garis panduan menjalankan aktiviti hiburan (konsert) di IPT.

Menurut JPT arahan kepada semua pengurusan IPT di bawah KPT itu dibuat bagi memastikan suara dan keperluan mahasiswa serta kesesuaian di setiap IPT dan lokaliti diambil kira sebelum ia diguna pakai secara rasmi di peringkat IPT masing-masing.

Arahan terbabit adalah selaras pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, baru-baru ini supaya garis panduan menjalankan aktiviti hiburan di IPT perlu dirangka dan disediakan oleh IPT melalui pembabit MPP dan KM. – BERNAMA